

LEMBARAN FAKTA

Memprofesionalkan Kerja Sosial di Malaysia: Kes untuk Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial

Pekerja sosial adalah wira yang tidak didendang, berdedikasi dalam membantu orang lain menghadapi krisis. Mereka memberikan sokongan dan perlindungan kepada golongan yang paling rentan – anak anda, ibu bapa anda, jiran, rakan, malah diri anda sendiri – yang bergelut dengan pelbagai situasi traumatik dari penderaan seksual dan keganasan rumah tangga, sehinggalah kepada proses menyesuaikan diri dengan kehidupan berkurang upaya. Pekerja sosial juga mengenalpasti dan mencegah risiko, berusaha untuk mengurangkan kemiskinan, memerangi diskriminasi, dan mencabar norma yang bahaya, serta berusaha demi mewujudkan kehidupan yang lebih baik untuk penduduk Malaysia.

Pekerja sosial yang terlatih secara profesional dan berkelayakan adalah penting dalam pelbagai keadaan, termasuk perlindungan kanak-kanak dan kes pengambilan anak angkat, di hospital, penjara dan pusat krisis sehenti. **Walau bagaimanapun, kekurangan kawal selia dalam bidang kerja sosial di Malaysia menghalang potensi pekerja sosial untuk menyumbang secara berkesan kepada masyarakat.**

Kempen Heroes Among Us, yang dipimpin oleh Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) dan UNICEF Malaysia, menyeru agar Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial digubal untuk mengiktiraf dan menyokong peranan penting kerja sosial, seterusnya memastikan penduduk Malaysia mendapat akses kepada pekerja sosial yang terbaik. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, langkah di bawah Rang Undang-undang itu termasuk mewujudkan daftar untuk pekerja sosial profesional dan keperluan untuk pendaftaran dan pensijilan amalan yang akan diselia oleh suatu badan kawal selia.¹ Ini akan membuka jalan kepada akauntabiliti dan kualiti kerja sosial yang lebih berkesan, serta latihan dan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk pekerja sosial di seluruh Malaysia.

Definisi global kerja sosial

“Kerja sosial ialah profesion berasaskan amalan dan satu disiplin akademik yang menggalakkan perubahan dan pembangunan sosial, perpaduan sosial, dan pemerksaan serta pembebasan manusia. Prinsip keadilan sosial, hak asasi manusia, tanggungjawab kolektif, dan menghormati kepelbagaian adalah teras kepada kerja sosial.”
– The International Federation of Social Workers.

Peranan penting pekerja sosial

Pekerja sosial membuat keputusan yang mengubah hidup, dan ada kalanya keputusan yang menyelamatkan nyawa, setiap hari. Mereka memerlukan pengetahuan mendalam mengenai tingkah laku manusia, sistem sosial, undang-undang dan dasar untuk membantu klien mengatasi cabaran kompleks seperti sistem mahkamah, serta menyediakan sokongan psikososial. **Apabila sokongan daripada pekerja sosial disampaikan secara profesional, kehidupan seseorang klien boleh dikembalikan ke landasan yang betul.** Namun begitu, kerja ini adalah kompleks, mendesak dan pelbagai – dari mengadakan perjumpaan untuk menilai keperluan seseorang, kepada menyediakan intervensi serta merta dalam situasi berbahaya, mendesak dan seterusnya mencegah keganasan daripada terus meningkat.

Antara kumpulan sasaran termasuklah:

- mangsa keganasan rumah tangga
- kanak-kanak yang diabaikan dan didera
- orang kurang upaya yang berusaha untuk hidup berdikari
- bekas pengguna dadah dan orang muda yang berkonflik dengan undang-undang yang berharap dapat membina semula kehidupan mereka
- warga emas, pelarian, kumpulan rentan yang lain.

Keperluan untuk pekerja sosial terlatih

• **Penderaan kanak-kanak:** Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan 18,750 kes penderaan kanak-kanak antara tahun 2020 dan 2022.²



• **Orang kurang upaya:** 11.1% orang dewasa dan 4.7% kanak-kanak di Malaysia mempunyai ketidakupayaan.⁴



• **Keganasan rumah tangga:** Polis Diraja Malaysia melaporkan 13,529 kes keganasan rumah tangga antara tahun 2020 dan 2022.³



• **Krisis kesihatan mental:** HEAL, Talian Kesihatan Mental Kementerian Kesihatan, menerima 24,346 panggilan dari Januari hingga Ogos 2023.⁵

1. Kenyataan Kementerian, September 2023, <https://bit.ly/RUUPKS23>.
2. Ova, '18,750 Kes Penderaan Kanak-Kanak, 13,529 Kes Keganasan Rumah Tangga Di Malaysia Dari 2020 Hingga 2022', Pusat Kesihatan dan Dasar Sosial Galen, 3 Julai 2023.
3. Ibid.
4. Institut Kesihatan Negara (NIH) Kementerian Kesihatan Malaysia, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019.
5. BERNAMA, 'HEAL Line 1555 menerima 24,346 panggilan setakat Ogos – KP Kesihatan', *New Straits Times*, 10 September 2023.

Pekerja sosial di Malaysia: Satu keberadaan yang penting

- Pekerja sosial merupakan satu keberadaan penting dalam agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, hospital, penjara dan pusat pemulihan dadah.

Pada tahun 2022, seramai 3,790 pegawai di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengamalkan kerja sosial dalam pelbagai sektor di seluruh negara: ⁶

| | | |
|--|-----------------------------------|---|
| 1,658 pegawai kebijakan masyarakat | 1,661 pegawai akhlak | 471 pegawai dalam hal ehwal antipemerdagangan |
|--|-----------------------------------|---|


Pada tahun 2018, kira-kira 236 pegawai dilantik sebagai pelindung kanak-kanak, manakala 183 pegawai akhlak membimbing kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang.⁷

- Pekerja sosial bukan kerajaan bekerja dalam organisasi bukan berasaskan keuntungan, kumpulan masyarakat sivil, institusi keagamaan dan organisasi sektor swasta.
- Kerja sosial ialah disiplin akademik yang kukuh di luar universiti awam dan empat institusi swasta, menawarkan program dari tahap diploma hingga PhD. Disebabkan kekurangan kawal selia, bukan semua individu yang bekerja dalam bidang kerja sosial dilatih secara profesional.
- Pada masa ini, tiada data mengenai jumlah pekerja sosial yang terlatih secara profesional yang sedang berkhidmat dengan populasi rentan di Malaysia.
- Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) telah memperjuangkan kerja sosial profesional selama lima dekad, termasuk menyediakan latihan untuk pekerja sosial dalam sektor kerajaan dan masyarakat sivil. Ia adalah satu-satunya persatuan profesional untuk pekerja sosial, yang terdiri daripada pendidik dan pengamal kerja sosial.

Tiga cabaran utama

1 Kekurangan kawal selia: Kerja sosial tidak dikawal selia di Malaysia, tidak seperti di negara jiran ASEAN seperti Filipina, Singapura, Thailand dan Indonesia.

2 Kekurangan pekerja sosial: Malaysia hanya mempunyai seorang pekerja sosial untuk setiap 8,576 penduduk,⁸ jauh lebih rendah daripada negara lain.



3 Pemahaman awam yang terhad mengenai kerja sosial: Salah tanggapan berlaku, dengan ramai rakyat Malaysia melihat pekerja sosial sebagai sukarelawan amal. Salah tanggapan ini menyebabkan kurangnya permintaan perkhidmatan dan pelaburan dalam perkhidmatan kerja sosial.

Cadangan: Memperkukuhkan kerja sosial

1 Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial Membentangkan dan menggunakan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial adalah penting kerana ia akan menetapkan kelayakan dan kecekapan untuk kerja sosial yang berkesan dan memastikan adanya piawaian profesional tertinggi untuk kerja sosial di Malaysia. Rang undang-undang itu akan:

Untuk masyarakat umum

- mewujudkan kesedaran mengenai perkhidmatan yang boleh diperolehi sebagai penerima manfaat dan klien pekerja sosial.
- membolehkan orang ramai mengenali pekerja sosial yang profesional apabila ingin mendapatkan bantuan.
- menyatakan dengan jelas piawaian profesional dan akibat ketidakpatuhan, seterusnya dapat memastikan keselamatan awam.

Untuk pekerja sosial

- memberi status profesional kepada pekerja sosial dan mengiktiraf kerja sosial sebagai profesion yang bernilai.
- menyediakan latihan profesional.
- menggalakkan imbuhan yang sesuai dan menyediakan pilihan untuk kemajuan kerjaya.

2 Menggaji lebih ramai pekerja sosial profesional dan meningkatkan tahap penyeliaan dan sokongan kepada mereka.

3 Meningkatkan keterlihatan pekerja sosial dan pemahaman orang ramai mengenai tugas dan tanggungjawab seorang pekerja sosial.

6. BERNAMA, 'Kementerian Wanita dalam peringkat akhir merangka Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial, kata menteri', *Malay Mail*, 15 Mac 2022.
7. Pejabat Serantau Asia Timur dan Pasifik UNICEF dan Global Social Service Workforce Alliance, 'Tenaga Kerja Perkhidmatan Sosial di Rantau Asia Timur dan Pasifik: Kajian Berbilang Negara', UNICEF, Bangkok, 2019.
8. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), 2019.

Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial (pada mulanya dikenali sebagai Rang Undang-undang Pekerja Sosial) pertama kali diluluskan oleh Kabinet pada tahun 2010. Ia menunggu tindakan Parlimen dan kini dalam semakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (kenyataan Kementerian di sini: <https://bit.ly/RUUPKS23>).

Untuk maklumat lanjut, layari: <https://www.masw.org.my/heroes-among-us>